

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK TENTANG KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SOSIOEMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR

*Amirah Mohd Tarmizi¹ & Nik Rosila Nik Yaacob²

^{1,2} Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau
Pinang, Malaysia

*Corresponding email: amirah.mtarmizi@gmail.com

Received date: 25 Mac 2024; Accepted date: 13 Januari 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v13i1.4985>

Abstract: *This systematic literature review (SLR) aims to review the trends and effectiveness of socioemotional learning (SEL) on elementary school students from 2020 to 2024 by using two databases, Scopus and Web of Science. The study was conducted systematically guided by the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analysis (PRISMA) framework which involves three phases: identification, screening, and selection. During the identification phase, a systematic search was conducted using keywords such as “social emotional learning”, “social-emotional learning”, “socioemotional learning”, “effectiveness”, “effect”, “influence”, “elementary school” and “primary school”. From all the 212 documents identified, 71 were selected for the screening phase. The documents were then screened based on document type, language and publication year. As a result, 18 articles were chosen for analysis and undergo full-text reading. The review findings indicate that SEL programs are highly effective in promoting socioemotional competence and classroom climate. However, the search had been conducted in only two databases which may have excluded relevant articles from other databases. Additionally, the study did not examine the implementation of each SEL programs thus making it unclear which programs are truly effective for primary school students. Therefore, it is intended that this review will guide future researchers in identifying SEL programs that are genuinely effective in enhancing student’s socioemotional competence and classroom climate while also expanding the search to other databases.*

Keywords: Effectiveness, Socioemotional Learning, Elementary School Students, Systematic Literature Review

Abstrak: Kajian tinjauan literatur sistematik (SLR) ini bertujuan untuk meninjau trend dan keberkesanan pembelajaran sosioemosi (PSE) terhadap murid sekolah rendah bermula dari tahun 2020 hingga 2024 di dua pangkalan data iaitu Scopus dan Web of Science. Kajian ini dilakukan secara sistematik dengan *berpanduan Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analysis (PRISMA)* yang melalui tiga fasa iaitu pengenalpastian, penyaringan dan pemilihan. Pada fasa pengenalpastian, carian sistematik telah dilakukan menggunakan kata kunci “*social emotional learning*”, “*social-emotional learning*”, “*socioemotional learning*”, “*effectiveness*”, “*effect*”, “*influence*”, “*elementary school*” dan “*primary school*”. Daripada 212 dokumen yang dikenal pasti, sebanyak 71 dokumen telah dipilih untuk melalui fasa penyaringan. Kemudian, dokumen disaring berdasarkan jenis dokumen dan tahun penerbitan. Hasilnya, sebanyak 17 artikel telah terpilih untuk dianalisis dan melalui proses bacaan teks penuh. Dapatan kajian tinjauan menunjukkan bahawa PSE amat berkesan terhadap kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah. Namun, kajian ini terhad kerana keterbatasan carian hanya pada dua pangkalan data yang mungkin menyebabkan terdapat artikel yang relevan pada pangkalan data lain telah terkecuali. Kajian ini juga tidak menganalisis secara mendalam tentang kaedah pelaksanaan setiap program PSE. Maka, tidak dapat dipastikan program PSE yang benar-benar efektif kepada murid sekolah rendah. Justeru, hasil kajian tinjauan ini diharap dapat menjadi panduan kepada pengkaji seterusnya untuk mengenal pasti program PSE yang benar-benar efektif terhadap kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah murid serta meluaskan lagi carian pada pangkalan data yang lain.

Kata Kunci: Keberkesanan, Pembelajaran Sosioemosi, Murid Sekolah Rendah, Kajian Literatur Sistematis

PENGENALAN

Perkembangan sosioemosi merujuk kepada keupayaan individu untuk mengendalikan dan mengekalkan hubungan sosial yang baik, mengurus emosi dengan berkesan serta mempamerkan tingkah laku sosial yang sesuai. Dalam konteks murid di sekolah, pengalaman bilik darjah adalah penting untuk perkembangan sosioemosi murid dan boleh mendorong kepada prestasi akademik yang lebih baik (Mahoney, Durlak, & Weissberg, 2018). Hal ini kerana, cabaran sosioemosi boleh menjejaskan keupayaan murid untuk membina hubungan positif dengan rakan sebaya dan guru. Tambahan lagi, kesukaran mengurus emosi dan tingkah laku yang sesuai boleh membawa kepada pengasingan sosial, konflik dan hubungan yang tegang seterusnya menghalang pembelajaran koperatif serta mengganggu interaksi sosial di bilik darjah (Coskun, 2019).

Berdasarkan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 (NHMS 2019), 424 000 kanak-kanak disahkan mengalami masalah kesihatan mental di Malaysia (Institut Kesihatan Umum, 2020). Masalah kesihatan mental yang dimaksudkan merangkumi masalah berinteraksi dengan rakan sebaya (42.9%), masalah tingkah laku (15.9%), masalah emosi (8.3%) dan masalah hiperaktif (2.3%). Manakala, 9.5% daripada kanak-kanak yang dikenal pasti bermasalah ini adalah kanak-kanak yang berusia 10 hingga 15 yang sedang mengikuti pendidikan rendah dan menengah. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira faktor sosial dan emosi amatlah diperlukan di sekolah pada hari ini.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan kompetensi sosial dan emosi dikenali sebagai pembelajaran sosioemosi (PSE). PSE diperkenalkan dan ditakrifkan dalam buku *Promoting Social and Emotional Learning: Guidelines for Educators* (Elias *et al.*, 1997) sebagai sebuah pendekatan untuk membimbing orang dewasa (guru) dan kanak-kanak (murid) agar saling memahami, boleh mengurus emosi dan saling berinteraksi. Matlamat asas PSE adalah untuk mempromosikan persekitaran pembelajaran positif yang dapat menyokong, menarik dan menggalakkan penyertaan murid di bilik darjah. Selain itu, PSE juga bertujuan memupuk perkembangan lima kompetensi kognitif, afektif dan tingkah laku (CASEL, 2013). Lima kompetensi yang dimaksudkan ialah;

1. Kesedaran sendiri
2. Kesedaran sosial
3. Pengurusan sendiri
4. Kemahiran berhubungan
5. Kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab.

Para penyelidik yakin bahawa kompetensi sosioemosi ini dapat diajar secara berkesan dengan menggunakan pelbagai pendekatan di bilik darjah. Murid-murid yang didedahkan dengan PSE dapat meningkatkan prestasi akademik, menambah baik kesejahteraan mental dan membina hubungan sosial yang sihat. Hal ini dinyatakan dalam kajian meta analisis oleh Durlak *et al.* (2022) yang mendapati murid yang mengambil bahagian dalam program PSE menunjukkan peningkatan dalam skor ujian subjek teras seperti matematik dan bacaan. Dapatan menunjukkan peningkatan prestasi akademik sebanyak 11% hingga 13% berbanding murid yang tidak terlibat dalam PSE. Ini berlaku

kerana murid yang menguasai kemahiran sosioemosi mampu menguruskan tekanan akademik dengan lebih baik. Responden kajian ini juga menunjukkan keupayaan untuk mengendalikan emosi serta mempunyai empati yang tinggi. Selain itu, masalah tingkah laku seperti buli dan pergaduhan serta tekanan, kegelisahan dan kemurungan semakin berkurangan. Kemahiran sosial yang diajar melalui PSE turut membantu murid menjalin hubungan positif dengan rakan sebaya dan guru sekaligus meningkatkan motivasi dan rasa kepunyaan di sekolah (Coskun, 2019).

PSE boleh diimplementasikan dalam beberapa keadaan iaitu 1) sebagai sebahagian daripada kurikulum yang berstruktur dan diajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atau 2) sebagai sebahagian daripada pendekatan di seluruh sekolah dengan mengintegrasikan PSE dalam seluruh struktur sekolah (CASEL, 2013). PSE didapati lebih berkesan apabila dilaksanakan sendiri oleh guru di bilik darjah berbanding bukan guru. Sehubungan itu, pendekatan yang dipilih oleh guru sewajarnya mengikut keperluan dan kesesuaian serta difikirkan baik kepada murid (Van De Sande *et al.*, 2022; Turner *et al.*, 2020). Bukti dari kajian lalu turut menyokong pelbagai faedah yang diterima oleh murid menerusi penyertaan mereka dalam PSE seperti peningkatan konsep sendiri, peningkatan hubungan dan kesejahteraan, penurunan masalah tingkah laku, penurunan masalah penggunaan dadah dan penurunan masalah tekanan emosi (Durlak *et al.*, 2011, Durlak *et al.*, 2015, Durlak *et al.*, 2022; Taylor *et al.*, 2017; Turner *et al.*, 2020; Coşkun, 2019). PSE turut dikatakan hampir sama penting kepada kanak-kanak seperti pembelajaran menggunakan kurikulum pendidikan akademik di bilik darjah (Durlak *et al.*, 2015; Taylor *et al.*, 2017; Van De Sande *et al.*, 2022).

Terdapat banyak program PSE yang telah dibangunkan seperti *Recognizing, Understanding, Labeling, Expressing and Regulating Emotions* (RULER) (Brackett *et al.*, 2019), *Mindfulness* (Maloney *et al.*, 2016), *Positive Action* (Flay & Allred, 2010), *Promoting Alternative Thinking Strategies* (PATHS) (Greenberg & Kusche, 2006) dan *MindMatters* (Wyn *et al.*, 2000). Walau bagaimanapun, tidak semua program PSE sesuai untuk diimplementasikan kepada keseluruhan murid di bilik darjah kerana terdapat program PSE seperti *Life Skills Training* (Botvin & Griffin, 2015) yang hanya difokuskan kepada murid yang menunjukkan tingkah laku berisiko. Justeru, pertimbangan guru dalam memilih program PSE yang bersesuaian amatlah diperlukan sebelum melaksanakan PSE agar matlamat PSE iaitu untuk membangunkan kompetensi sosioemosi murid terlaksana.

Walau bagaimanapun, variasi program PSE yang diperkenalkan di seluruh dunia tidak semestinya mencerminkan keberkesanan program PSE kepada keseluruhan murid. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau keberkesanan PSE kepada murid sekolah rendah. Trend kajian dianalisis dari sudut tahun penerbitan, negara kajian dijalankan dan reka bentuk. Objektif kajian secara spesifik bagi kajian ini adalah mengenali trend kajian keberkesanan pembelajaran sosioemosi kepada murid dari aspek tahun penerbitan, negara dan reka bentuk kajian dan juga mengenali kesan pembelajaran sosioemosi terhadap murid sekolah rendah?


METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan literatur sistematik (SLR) yang bertujuan mencari dan mensintesis penyelidikan yang berkaitan secara komprehensif dengan menggunakan prosedur yang teratur, jelas dan boleh diulang pada setiap langkah dalam proses tersebut (Higgins *et al.*, 2011). Bagi menetapkan kriteria untuk mencari kajian yang berkaitan dengan keberkesanan pembelajaran sosioemosi di sekolah rendah, penyelidik telah merujuk model *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis* (PRISMA) (Page *et al.*, 2021). PRISMA adalah panduan yang digunakan dalam pelaporan kajian tinjauan sistematik dan meta-analisis. PRISMA digunakan bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan konsistensi dalam pelaporan serta memastikan semua aspek penting dari kajian sistematik dinyatakan dengan jelas. Melalui panduan yang jelas, kajian yang dilaporkan menggunakan PRISMA lebih mudah untuk diulang atau dikemas kini oleh penyelidik lain. Pelaporan yang jelas dan berstruktur akan meningkatkan kebolehpercayaan kajian yang dilakukan serta membolehkan pembaca membuat penilaian kritis tentang kualiti kajian tersebut (Page *et al.*, 2021).

PRISMA telah diperkenalkan pada tahun 2009 dan dikenali sebagai PRISMA 2009. Ketika itu, PRISMA 2009 direka bertujuan membantu tinjauan literatur dilakukan secara terperinci dengan menyatakan tujuan tinjauan tersebut dilakukan, langkah tinjauan yang perlu diikuti dan dapatan daripada tinjauan tersebut. Namun, seiring dengan kemajuan dalam metodologi tinjauan literatur sistematik, PRISMA 2020 telah dibangunkan bagi menggantikan PRISMA 2009. PRISMA 2020 menyediakan panduan pelaporan yang telah dikemas kini bagi mencerminkan kemajuan dalam kaedah mengenal pasti, memilih, menilai dan mensintesis kajian. Rajah 1 menunjukkan tiga fasa

yang perlu diikuti iaitu fasa pengenalpastian, penyaringan dan pemilihan bagi mendapatkan artikel yang relevan dengan objektif kajian.

Rajah 1: Carta Alir PRISMA



Fasa Pengenalpastian

Fasa pengenalpastian dimulakan dengan mengenal pasti rekod dalam dua pangkalan data iaitu *Scopus* dan *Web of Science* (WOS). Proses carian ini

menggunakan kata kunci yang diekstrak daripada persoalan kajian dan membentuk beberapa domain (Kitchenham & Charters, 2007; Xiao & Watson, 2019). Dalam kajian ini, domain yang dibentuk ialah “keberkesanan”, “pembelajaran sosioemosi” dan “murid sekolah rendah”. Kemudian, carian diluaskan dengan mencari perkataan sinonim bagi domain-domain tersebut (Kitchenham & Charters, 2007; Rowley & Slack, 2004). Carian turut menggunakan fungsi *Boolean Operator* “AND” dan “OR” seperti yang dicadangkan oleh Fink (2019). Dapatan yang diperoleh adalah seperti dalam Jadual 1. Dalam langkah ini, sebanyak 212 artikel telah dikenal pasti iaitu 96 daripada pangkalan data *Scopus* dan 116 daripada pangkalan data *WOS*.

Jadual 1: Pangkalan Data dan Kata Kunci

Pangkalan Data	Kata Kunci
Scopus	TITTLE-ABS-KEY (("social emotional learning" OR "social-emotional learning" OR "socioemotional learning") AND ("effectiveness" OR "effect" OR "influence") AND ("elementary school" OR "primary school"))
Web of Science (WOS)	TS (("social emotional learning" OR "social-emotional learning" OR "socioemotional learning") AND ("effectiveness" OR "effect" OR "influence") AND ("elementary school" OR "primary school"))

Fasa Penyaringan

Fasa penyaringan dijalankan bagi menentukan kriteria kelayakan dan pengecualian agar rekod yang terpilih menepati objektif kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan tiga kriteria untuk penyaringan rekod iaitu tahun penerbitan dan jenis dokumen. Perincian kriteria kelayakan dan pengecualian rekod bagi kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Justifikasi menghadkan tahun penerbitan antara tahun 2000 hingga 2024 sahaja adalah kerana mengambil kira pembelajaran sosioemosi yang dilaksanakan semasa dan selepas pandemik COVID19 yang telah menjejaskan kesihatan mental murid (Hamilton & Gross, 2021; Mazrekaj & De Witte, 2023). Tambahan lagi, cadangan laporan *The Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD) 2019 untuk menumpukan PSE di bilik darjah telah meningkatkan populariti PSE dalam kalangan penyelidik. Manakala, jenis dokumen yang layak disaring pula adalah jenis artikel jurnal (data empirikal) sahaja serta mengecualikan semua siri buku, bab buku, prosiding persidangan dan artikel tinjauan.

Jadual 2: Kriteria Kelayakan dan Pengecualian Rekod

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Tahun penerbitan	2020-2024	Sebelum 2020
Jenis dokumen	Artikel	Siri buku, bab buku, prosiding persidangan

Setelah menjalani proses penyaringan, sebanyak 141 artikel telah dikecualikan kerana tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan. 71 artikel disaring sekali lagi untuk mengenal pasti rekod sama yang terdapat dalam kedua-dua pangkalan data. Hasil dari proses tersebut, 23 artikel dikecualikan kerana terdapat dalam kedua-dua pangkalan data dan hanya 48 artikel yang tinggal untuk langkah seterusnya. Dalam fasa penyaringan juga, penyelidik menyemak artikel secara manual untuk memastikan hanya artikel yang layak dan memenuhi objektif sahaja diterima untuk proses seterusnya. Kraus *et al.* (2020) berpendapat bahawa hanya dengan membaca abstrak, pengkaji sudah boleh menentukan sama ada artikel tersebut mampu menjawab persoalan kajian atau tidak. Oleh itu, sebanyak 48 abstrak telah dibaca dan dianalisis. Setelah pembacaan abstrak selesai, hanya 17 artikel sahaja dikenal pasti layak untuk melalui proses pembacaan teks penuh.

Fasa Pemilihan

Fasa pemilihan merupakan fasa yang memerlukan pengkaji membaca 17 artikel yang dipilih secara mendalam bagi mengenal pasti keberkesanan PSE terhadap murid sekolah rendah. Kriteria utama yang dipertimbangkan semasa pembacaan artikel adalah jenis program PSE yang dijalankan serta impaknya terhadap elemen kompetensi sosioemosi murid sekolah rendah. Sebahagian program PSE telah diadaptasi daripada program PSE yang lain dan dinamakan semula mengikut kesesuaian kajian tersebut. Walau bagaimanapun, kesemua program PSE yang dijalankan mempunyai tujuan yang sama iaitu meningkatkan elemen kompetensi sosioemosi dalam kalangan murid. Jadual 3 menunjukkan senarai artikel yang telah terpilih daripada pangkalan data *Scopus* dan *WOS*.

Jadual 3: Ringkasan Sorotan Artikel Keberkesanan PSE Terhadap Murid Sekolah Rendah

Bil	Pengarang	Fokus Kajian	Metodologi/ Sampel	Bil. Sesi	Dapatan
1.	Shi & Cheung (2024)	Keberkesanan <i>Chinese SEL Program</i> terhadap kompetensi sosioemosi dan kesihatan mental murid.	Kuasi-eksperimen/ 366 murid Tahun 5 di China.	12 sesi	<i>Chinese SEL Program</i> meningkatkan kesedaran sendiri, kemahiran berhubung dan kemahiran membuat

Bil	Pengarang	Fokus Kajian	Metodologi/ Sampel	Bil. Sesi	Dapatan
2.	Flook <i>et al.</i> (2024)	Keberkesanan Program <i>Mindfulness</i> terhadap kompetensi sosioemosi dan fungsi eksekutif murid.	Kuasi-eksperimen/ 292 murid Tahun 5 di Amerika Syarikat.	8 sesi	keputusan yang bertanggungjawab. Program <i>Mindfulness</i> meningkatkan kompetensi sosioemosi dan fungsi eksekutif murid.
3.	Berastegui-Martínez, de la Caba-Collado, & Pérez-Escoda (2023)	Keberkesanan Program ‘Sentituz 10-12’ terhadap kompetensi sosial dan hubungan antara guru-murid.	Kuasi-eksperimen/ 50 murid Tahun 6 di Sepanyol.		Program ‘Sentituz 10-12’ adalah efektif dalam meningkatkan kompetensi sosial dan hubungan antara guru-murid.
4.	Zhang, Cook, & Smith (2023)	Keberkesanan Program <i>PurposeFull People</i> (PfP) yang digabungkan dengan <i>positive behaviour intervention and supports</i> (PBIS) terhadap kompetensi sosial, emosi dan tingkah laku.	<i>Randomized control trial</i> (RCT)/ 161 murid sekolah rendah di Amerika Syarikat.		PfP yang digabungkan dengan PBIS meningkatkan kompetensi sosial, emosi dan tingkah laku.
5.	Valido <i>et al.</i> (2023)	Keberkesanan program <i>Sources of Strength</i> terhadap iklim bilik darjah dan emosi murid.	Kuasi-eksperimen/ 1022 murid Tahun 3-5 di Amerika Syarikat.	14 sesi	Pendedahan Program <i>Sources of Strength</i> meningkatkan kesejahteraan iklim bilik darjah dan mengurangkan masalah emosi.
6.	Gunawardena & Koivula (2023)	Keberkesanan intervensi bercerita untuk membangkitkan kesedaran sendiri, kesedaran sosial, pembinaan hubungan dan membuat keputusan dalam kalangan murid.	Temu bual berstruktur/ 8 orang guru sekolah rendah di Australia.		Intervensi bercerita berjaya meningkatkan kesedaran sendiri, kesedaran sosial, pembinaan hubungan dan membuat keputusan dalam kalangan murid.
7.	Çenberci & Tufan (2023)	Keberkesanan Pendidikan Muzik berdasarkan teori Edwin E. Gordon terhadap kompetensi sosioemosi murid.	Kuasi-eksperimen/ 92 orang murid 6 hingga 7 tahun di Turki.	16 sesi	Pendidikan Muzik berdasarkan teori Edwin E. Gordon mencipta suasana pembelajaran yang efektif bagi meningkatkan kompetensi sosioemosi murid.

Bil	Pengarang	Fokus Kajian	Metodologi/ Sampel	Bil. Sesi	Dapatan
8.	Coelho <i>et al.</i> (2023)	Keberkesanan Program <i>Calmly-learning to Learn Yourself</i> terhadap kompetensi sosioemosi dan kemahiran berhubung.an.	Kuasi-eksperimen/ 212 orang murid Tahun 3 hingga 4 di Portugal.	16 sesi	Program <i>Calmly-learning to Learn Yourself</i> berhasil meningkatkan komunikasi murid, regulasi sendiri murid dan hubungan antara rakan sebaya.
9.	Li <i>et al.</i> (2022)	Keberkesanan adaptasi program PSE untuk mengurangkan masalah sosioemosi dan tingkahlaku dalam kalangan murid di pedalaman China.	Kuasi-eksperimen/ 190 orang murid di daerah Henan, China.	16 sesi	Adaptasi program PSE berjaya mengurangkan masalah sosioemosi dan tingkahlaku dan berkekalan hingga ujian pos lanjutan.
10.	Hennessey, Qualter & Humphrey (2021)	Keberkesanan kurikulum PATHS terhadap kesedaran emosi dan kesedaran sosial.	RCT/ 5218 kanak-kanak berusia 6 hingga 8 tahun di United Kingdom.		Kurikulum PATHS berjaya meningkatkan kesedaran emosi dan kesedaran sosial kanak-kanak.
11.	Cherewick <i>et al.</i> (2021)	Keberkesanan PSE intervensi <i>Discover Learning</i> untuk membangunkan kompetensi sosioemosi.	RCT/ 528 murid berusia 10 hingga 11 tahun di Tanzania.	6 sesi	Intervensi PSE <i>Discover Learning</i> meningkatkan kompetensi sosioemosi.
12.	Hai <i>et al.</i> (2021)	Keberkesanan program PSE MindUP terhadap tingkah laku bilik darjah yang positif.	Pemerhatian/ 11 orang murid Tahun 5 di Amerika Syarikat.	15 sesi	Program MindUP meningkatkan tingkah laku positif di bilik darjah (angkat tangan, bertanya soalan kepada guru).
13.	Lee & Lee (2021)	Keberkesanan integrasi Seni Visual dalam pembelajaran terhadap kompetensi sosioemosi.	Kuasi-eksperimen & mixed method/ 76 murid berusia 8 hingga 12 tahun di Kenya.		Sosial: Murid menunjukkan penglibatan yang tinggi, boleh berkomunikasi dan mahu berkolaborasi dalam aktiviti pembelajaran. Emosi: murid menunjukkan keyakinan dan kemahuan untuk bertindak.
14.	Da Cunha <i>et al.</i> (2021)	Keberkesanan strategi PSE terhadap	Kuasi-eksperimen/ 1850 orang murid		Strategi PSE meningkatkan

Bil	Pengarang	Fokus Kajian	Metodologi/ Sampel	Bil. Sesi	Dapatan
15.	Jacquez <i>et al.</i> (2020)	kesedaran sosial murid. Keberkesanan aktiviti PSE <i>Dream It! A Playbook to Spark Your Awesomeness</i> untuk meningkatkan pemikiran optimistik murid.	Tahun 4 dan 5 di Brazil. Kuasi-eksperimen/ 111 murid berusia 8 hingga 12 tahun di Amerika Syarikat.	9 sesi	kesedaran sosial murid. Aktiviti PSE <i>Dream It! A Playbook to Spark Your Awesomeness</i> meningkatkan pemikiran optimistik murid.
16.	Carroll <i>et al.</i> (2020)	Keberkesanan aktiviti PSE KoolKIDS untuk membangunkan kemahiran sosioemosi.	Kuasi-eksperimen/ 854 murid berusia 8-12 tahun di Australia.	14 sesi	KoolKIDS didapati meningkatkan kemahiran sosioemosi murid.
17.	Meyer & Eklund (2020)	Keberkesanan aktiviti PSE <i>Mindfulness</i> terhadap iklim bilik darjah.	Kuasi-eksperimen/ 296 murid Tahun 4 hingga 5 di Amerika Syarikat.	10 sesi	<i>Mindfulness</i> menunjukkan peningkatan iklim bilik darjah yang positif.

DAPATAN KAJIAN

Soalan kajian 1: Trend Keberkesanan Pembelajaran Sosioemosi

Bagi melihat trend keberkesanan pembelajaran sosioemosi di sekolah rendah, analisis terhadap 17 artikel terpilih dilakukan meliputi aspek tahun penerbitan, negara kajian dijalankan dan reka bentuk kajian bagi artikel yang terpilih.


Tahun Artikel Diterbitkan

Artikel yang dikaji dalam kajian ini diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2024. Rajah 2 menunjukkan graf tahun penerbitan artikel bagi melihat trend penerbitan artikel berkaitan keberkesanan PSE di sekolah rendah. Sebanyak 3 buah artikel telah diterbitkan pada tahun 2020 (*Carroll et al., 2020; Jacquez et al., 2020; Meyer & Eklund, 2020*) dan 4 buah artikel telah diterbitkan pada tahun 2021 (*Da Cunha et al., 2021; Hai et al., 2021; Hennessey et al., 2021; Lee & Lee, 2021*). Manakala, hanya sebuah artikel tentang keberkesanan PSE di sekolah rendah telah diterbitkan pada tahun 2022 (*Li et al., 2022*). Pada tahun 2023 pula, sebanyak 6 buah artikel telah diterbitkan dan merupakan yang terbanyak dihasilkan dalam tempoh lima tahun tersebut (*Berastegui-Martínez et al., 2023; Çenberci & Tufan, 2023; Coelho et al., 2023; Gunawardena & Koivula, 2023; Valido et al., 2023; Zhang et al., 2023*).

Namun, bilangan tersebut menurun kepada 2 artikel sahaja pada tahun 2024 (Flook *et al.*, 2024; Shi & Cheung, 2024).

Trend penerbitan artikel berkaitan keberkesanan PSE antara tahun 2020 hingga 2024 berpotensi didorong oleh dapatan OECD (2019) yang mencadangkan supaya setiap negara mula memberi perhatian kepada pembangunan sosioemosi dalam sistem pendidikan masing-masing. Selain itu, pandemik COVID 19 telah mengubah landskap pendidikan di seluruh dunia. Apabila berlaku penutupan sekolah dan pengasingan sosial, murid mula mengalami tekanan, kebimbangan dan kemurungan (Abdallah & Alriyami, 2022). PSE menjadi sangat penting dalam menangani kebimbangan kerana ia membekalkan murid dengan kemahiran mengurus emosi, berkomunikasi secara sihat dan menyesuaikan diri dengan perubahan. Faktor-faktor ini menjelaskan tentang trend kajian berkaitan keberkesanan PSE antara tahun 2020 hingga 2024.


Rajah 2: Trend Tahun Penerbitan



Negara Kajian Dijalankan

Analisis terhadap negara-negara yang menjadi tempat kajian keberkesanan PSE turut dilakukan (rujuk Rajah 3). Negara-negara yang terlibat termasuklah Kenya (Lee & Lee, 2021), Turki (Çenberci & Tufan, 2023), Amerika Syarikat (Flook *et al.*, 2024; Hai *et al.*, 2021; Jacquez *et al.*, 2020; Meyer & Eklund, 2020; Valido *et al.*, 2023), United Kingdom (Hennessey *et al.*, 2021), Portugal (Coelho *et al.*, 2023), Sepanyol (Berastegui-Martínez *et al.*, 2023), Brazil (Da Cunha *et al.*, 2021) China (Li *et al.*, 2022; Shi & Cheung, 2024) dan Australia (Carroll *et al.*, 2020; Gunawardena & Koivula, 2023).

Dalam tempoh lima tahun, didapati kajian berkaitan keberkesanan PSE di sekolah rendah banyak dijalankan di Amerika Syarikat (n=6) diikuti dengan China (n=2) dan Australia (n=2). Amerika Syarikat mendominasi kajian berkaitan PSE kerana terdapat dana khusus yang diperuntukkan bagi tujuan pembangunan PSE melalui akta *Every Student Succeeds Act* (ESSA). Selain itu, kerajaan Amerika Syarikat turut menyokong penuh usaha pelaksanaan PSE di sekolah melalui pelbagai agensi dan program seperti CASEL. Hal ini telah mendorong lebih banyak penyelidikan dan pembangunan dalam PSE dijalankan di sana.



Reka Bentuk Kajian

Analisis turut dijalankan terhadap reka bentuk kajian yang digunakan dalam 17 buah artikel yang dikaji. Setelah diperhalusi, didapati terdapat 15 artikel berkaitan keberkesanan pembelajaran sosioemosi adalah kajian kuantitatif yang dijalankan secara kajian eksperimen iaitu kuasi eksperimen (n=12) dan *Randomized control trial* (RCT) (n=3). Kesemua kajian eksperimen ini menggunakan ujian pra dan ujian pos dan 11 daripadanya mempunyai kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Manakala, baki 2 artikel adalah kajian kualitatif. Kajian Gunawardena dan Koivula (2023) telah menemu bual guru sekolah untuk mengetahui keberkesanan PSE yang diaplikasikan dalam pengajaran mereka dan Hai *et al.* (2021) pula melakukan pemerhatian berstruktur terhadap tingkah laku murid di bilik darjah. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengkaji lepas cenderung untuk menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen bagi menjalankan kajian berkenaan keberkesanan PSE terhadap murid sekolah rendah. Bilangan peserta kajian paling ramai

ialah 5218 yang terdiri daripada kanak-kanak berusia 6 hingga 8 tahun di United Kingdom (Hennessey *et al.*, 2021). Manakala, saiz sampel terkecil ialah seramai 8 orang guru sekolah rendah di Australia (Gunawardena & Koivula, 2023).

Soalan Kajian 2: Keberkesanan Pembelajaran Sosioemosi di Sekolah Rendah

Hasil analisis ke atas 17 artikel tentang keberkesanan PSE terhadap murid sekolah rendah menunjukkan bahawa terdapat dua kesan PSE yang utama iaitu kesan terhadap kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah. Keseluruhan 17 artikel menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran sosioemosi menghasilkan kesan positif terhadap kompetensi sosioemosi murid dan iklim bilik darjah di sekolah rendah.

Kompetensi Sosioemosi

Kompetensi sosioemosi ialah kemampuan seseorang individu untuk memahami, mengelola dan mengekspresikan aspek sosioemosi dalam kehidupannya (Darling-Churchill & Lippman, 2016). CASEL (2013) menjelaskan bahawa terdapat lima elemen kompetensi sosioemosi iaitu kesedaran sendiri, kesedaran sosial, pengurusan sendiri, kemahiran berhubung dan kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab. Sebanyak 13 artikel menunjukkan program PSE yang dijalankan telah meningkatkan kompetensi sosioemosi murid. Contohnya, program PSE *Mindfulness* telah membantu murid mengawal emosi dan berfikir dengan jelas yang menyerlahkan elemen pengurusan sendiri murid. Selain itu, program PSE *Mindfulness* juga membantu murid berkembang sebagai individu yang lebih empati dan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi sosial.

Program PSE yang lain seperti KoolKIDS (Carroll *et al.*, 2020) pula adalah sebuah program yang komprehensif yang menggabungkan tingkah laku dengan latihan kemahiran sosial untuk membantu murid meningkatkan kompetensi sosioemosi dalam kehidupan seharian mereka. Menerusi program PSE KoolKIDS, murid melakukan simulasi dan latihan interaktif iaitu kanak-kanak belajar cara berinteraksi dengan lebih baik dengan rakan sebaya. Program PSE KoolKIDS turut menggunakan teknik kognitif-tingkah laku yang dapat membantu murid mengenali dan mengurus kebimbangan mereka. Kesannya, murid dapat menangani stres dengan lebih baik. Bagi membantu murid membuat keputusan yang bertanggungjawab pula, program PSE seperti

Second Step (Dewald *et al.*, 2019) mendidik murid untuk membuat pertimbangan bagi setiap keputusan yang diambil. Dalam program PSE *Second Step*, model *Problem Solving* mengajarkan murid langkah-langkah penyelesaian masalah termasuklah mengenal pasti masalah, mempertimbangkan pilihan dan memikirkan akibat daripada setiap tindakan. Kemudian, murid membuat refleksi bagi menentukan sama ada tindakan yang telah diambil itu positif atau negatif.

Menerusi analisis artikel, keberkesanan program PSE terhadap elemen kompetensi sosioemosi kemahiran berhubung adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 6 artikel (Berastegui-Martínez *et al.*, 2023; Coelho *et al.*, 2023; Gunawardena & Koivula, 2023; Lee & Lee, 2021; Li *et al.*, 2022; Shi & Cheung, 2024). Kemahiran berhubung ini tidak terhad kepada perhubungan antara murid dengan rakan sebaya sahaja malah turut meliputi kemahiran berhubung dengan guru. Apabila murid memiliki kemahiran berhubung yang baik, maka murid didapati lebih berjaya dalam akademik dan boleh bertingkah laku baik dari usia kanak-kanak hingga menginjak ke alam dewasa (Durlak *et al.*, 2011, 2015). Manakala, kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab pula adalah elemen kompetensi sosioemosi yang paling kurang didapati daripada artikel yang dianalisis. Sebanyak 2 artikel sahaja yang melihat keberkesanan program PSE terhadap elemen kompetensi sosioemosi kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab iaitu artikel oleh Gunawardena dan Koivula (2023) dan Shi dan Cheung (2024).

Berdasarkan analisis, terdapat beberapa kajian yang mengintegrasikan PSE dalam mata pelajaran di bilik darjah. Dalam kajian Lee dan Lee (2021), PSE telah diintegrasikan dalam mata pelajaran seni visual dan berhasil meningkatkan penglibatan, komunikasi dan kolaborasi murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Çenberci dan Tufan (2023) pula telah mengintegrasikan PSE dalam Pendidikan Muzik di Turki dan mendapati kompetensi sosioemosi murid meningkat setelah murid mengikuti sesi pembelajaran tersebut. Dapatan ini sepadan dengan cadangan CASEL (2013) dan Atkinson (2015) agar PSE dilaksanakan di bilik darjah melalui kaedah pengintegrasian dalam sesuatu mata pelajaran. Menurut CASEL (2013) lagi, pengintegrasian PSE dalam sesuatu mata pelajaran dapat membantu murid secara menyeluruh iaitu dalam peningkatan akademik dan peningkatan kompetensi sosioemosi.

Selain itu, merujuk kepada semua artikel yang dianalisis, tempoh pelaksanaan program PSE adalah dalam julat 8 hingga 16 sesi intervensi. Dalam kajian Meyer dan Eklund (2020), program PSE *Mindfulness* telah dijalankan selama 10 minggu. Program KoolKIDS oleh Carroll *et al.* (2020) pula dijalankan selama 14 minggu dan Li *et al.* (2022) serta Coelho *et al.* (2023) melaksanakan intervensi PSE selama 16 minggu. Dapatan ini sejajar dengan saranan Kim *et al.* (2022) agar murid mengikuti sekurang-kurangnya 10 sesi intervensi untuk menunjukkan keberkesanan dalam program PSE yang diikuti. Manakala, tempoh masa yang dicadangkan untuk sesebuah sesi intervensi PSE adalah tidak melebihi 60 minit (Kim *et al.*, 2022). Hal ini kerana, guru turut perlu mempertimbangkan faktor konsentrasi murid di bilik darjah. Justeru, perancangan masa yang baik oleh guru dalam melaksanakan PSE amatlah dituntut.

Iklim Bilik Darjah

Iklim bilik darjah didefinisikan sebagai persekitaran fizikal, sosial, intelektual dan emosi yang mendukung pola pembelajaran murid (Ambrose *et al.*, 2010) serta perasaan yang terhasil daripada interaksi antara murid dengan murid dan murid dengan guru (Barr, 2016; Kaufmann *et al.*, 2016). Menurut López *et al.* (2018), iklim bilik darjah merangkumi persekitaran fizikal, hubungan rakan sebaya, interaksi guru-murid dan orientasi guru terhadap pembelajaran. Berdasarkan analisis, sebanyak 4 artikel menunjukkan bahawa aktiviti PSE berkesan terhadap iklim bilik darjah murid (Berastegui-Martínez *et al.*, 2023; Hai *et al.*, 2021; Meyer & Eklund, 2020; Valido *et al.*, 2023).

Di bilik darjah, interaksi adalah salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Interaksi yang baik antara guru dengan murid akan mewujudkan hubungan yang positif serta persekitaran bilik darjah yang kondusif (Osman *et al.*, 2019). Dalam kajian Berastegui-Martínez *et al.* (2023), pelaksanaan PSE menerusi Program Sentinuz 10-12 telah berjaya meningkatkan hubungan antara guru dengan murid di bilik darjah.

Begitu juga dengan kajian oleh Li *et al.* (2022) melalui pelaksanaan program PSE di Hunan, China telah berjaya meningkatkan pergaulan antara rakan sebaya di bilik darjah. Bagi murid, rakan sebaya adalah tempat untuk mereka mencurahkan masalah yang dihadapi di rumah (Ambotang & Said, 2018). Penglibatan rakan sebaya juga adalah faktor yang mempengaruhi keterlibatan murid dalam aktiviti di bilik darjah (Mohd Ayu *et al.*, 2018). Dalam hal ini,

guru juga perlu memainkan peranan dengan memberi penekanan tentang keperluan mewujudkan persefahaman antara satu sama lain di dalam bilik darjah kerana rakan sebaya boleh mendorong kepada penyertaan dalam aktiviti fizikal dan komunikasi murid di bilik darjah.

Manakala, Program MindUP yang dijalankan oleh Hai *et al.* (2021) telah meningkatkan tingkah laku positif di bilik darjah apabila murid mulai berani mengangkat tangan untuk bertanya soalan kepada guru. Menurut Englehart (2009), guru amat digalakkan memberi sedikit kebebasan kepada murid di bilik darjah kerana suasana pembelajaran yang terlalu dikawal akan mendorong rasa tidak upaya dalam kalangan murid. Contohnya, guru boleh meminta pandangan murid berkaitan hiasan kelas atau aktiviti pembelajaran yang murid mahukan. Suasana pembelajaran berunsur penerimaan, penghormatan dan rangsangan akan mendorong kepada keberkesanan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menyenaraikan pelbagai program PSE yang dilaksanakan di luar negara serta keberkesanannya terhadap murid sekolah rendah. Meskipun setiap program PSE tampil dengan nama program yang berbeza serta kaedah pelaksanaan yang berlainan tetapi setiap program PSE diyakini mempunyai matlamat akhir yang sama iaitu untuk membangunkan kompetensi sosioemosi murid. Namun begitu, kajian ini terbatas oleh carian yang hanya melibatkan dua pangkalan data yang mungkin menyebabkan terdapat kajian pada pangkalan data lain yang relevan telah terkecuali. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji tidak menganalisis secara mendalam tentang kaedah pelaksanaan setiap program PSE. Maka, tidak dapat dipastikan program PSE yang benar-benar efektif untuk meningkatkan kompetensi sosioemosi murid. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kajian seterusnya dilakukan dengan menganalisis kaedah atau strategi yang sering digunakan dalam PSE dan mendedahkan strategi PSE yang paling efektif kepada murid sekolah rendah.

Dapatan ini mempunyai implikasi penting terhadap sistem pendidikan, terutamanya kepada guru dan pentadbir sekolah. Guru perlu dilatih untuk menentukan pendekatan PSE yang sesuai dan berkesan kerana mereka adalah penyampai utama PSE di bilik darjah. Pentadbir pula berperanan memberikan sokongan yang konsisten dan berterusan terhadap PSE melalui polisi yang jelas serta mengintegrasikan PSE ke dalam kurikulum sekolah. Berikut

merupakan cadangan berkaitan pelaksanaan PSE kepada guru, pentadbir, dan pembuat dasar:

- Guru: Latihan khusus perlu diberikan kepada guru tentang kaedah pelaksanaan PSE dengan berpandukan program PSE yang telah terbukti berkesan. Guru juga perlu dilengkapi dengan kemahiran untuk mengintegrasikan PSE secara semula jadi dalam pengajaran harian mereka selain daripada mengikuti program yang telah disusun.
- Pentadbir Sekolah: Pentadbir harus memastikan sokongan infrastruktur yang menyeluruh termasuklah memastikan waktu yang mencukupi untuk pelaksanaan PSE dan mewujudkan budaya sekolah yang menyokong perkembangan sosioemosi murid. Selain itu, penglibatan berterusan antara guru, pentadbir, dan ibu bapa adalah kunci untuk memastikan keberkesanan PSE.
- Pembuat Dasar: Pembuat dasar boleh menyokong pelaksanaan PSE dengan menyediakan sumber tambahan, membina rangka kerja PSE di peringkat kebangsaan dan memastikan pelaksanaannya dipantau agar terhasil impak yang diinginkan di setiap peringkat pendidikan.

Sehubungan itu, kajian ini bukan sahaja boleh membantu penyelidik seterusnya melakukan kajian lanjut berkaitan keberkesanan PSE tetapi juga dapat memberikan panduan yang praktikal untuk pelaksana pendidikan yang berminat untuk mengaplikasikan program PSE dengan lebih berkesan di sekolah.

Pernyataan Persetujuan Termaklum

Setiap penulis bersetuju agar penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Tidak wujud konflik kepentingan dalam penerbitan penulisan ini.

Pernyataan Etika

Penulisan ini memenuhi piawaian penulisan ilmiah dengan menyenaraikan sumber bagi setiap rujukan yang dibuat.

Sumbangan Pengarang

Setiap penulis telah memberikan sumbangan yang secukupnya sepanjang penghasilan penulisan ini.

Pembiayaan

Tiada dana diperuntukkan sepanjang penghasilan penulisan ini

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia amnya dan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan khususnya atas sokongan yang diberikan sepanjang penghasilan artikel ini.

Pernyataan Ketersediaan Data

Data kajian ini adalah hak milik pengkaji.

RUJUKAN

- Abdallah, A. K., & Alriyami, R. (2022). Changes in the education landscape caused by COVID-19: Opportunities and challenges from UAE perspective. *World Journal on Educational Technology: Current Issues*, 14(3), 544–559. <https://doi.org/10.18844/wjet.v14i3.7193>
- Ambotang, A. S., & Said, O. (2018). Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Prestasi Kanak-Kanak. In *Utusan Borneo*.
- Ambrose, S. A., Bridges, M. W., Dipietro, M., Lovett, M. C., & Norman, M. K. (2010). How Learning Works. In *Microwave and Optical Technology Letters* (Vol. 48, Issue 4). Jossey-Bass Publishers. <https://doi.org/10.1002/mop.21454>
- Atkinson, P. (2015). *Social Emotional Learning in The Music Classroom: A Cross-Case Analysis of Teacher Experiences in The Rock and Roll Academy*. University of Alabama.
- Barr, J. J. (2016). Positive Classroom Climate. *Idea Center, Inc*, 61(October), 1–9.
- Berastegui-Martínez, J., de la Caba-Collado, M. Á., & Pérez-Escoda, N. (2023). The impact of the Sentituz programmes on emotional competence and social climate in the classroom. *International Journal of Emotional Education*, 15(2), 169–174. <https://doi.org/10.56300/XTXS9970>
- Botvin, G. J., & Griffin, K. W. (2015). Life Skills Training: A competence enhancement approach to tobacco, alcohol, and drug abuse prevention. *Handbook of Adolescent Drug Use Prevention: Research, Intervention Strategies, and Practice.*, 177–196. <https://doi.org/10.1037/14550-011>
- Brackett, M. A., Bailey, C. S., Hoffmann, J. D., & Simmons, D. N. (2019). RULER: A Theory-Driven, Systemic Approach to Social, Emotional, and Academic Learning. *Educational Psychologist*, 54(3), 144–161.

- <https://doi.org/10.1080/00461520.2019.1614447>
- Carroll, A., McCarthy, M., Houghton, S., & Sanders O'Connor, E. (2020). Evaluating the effectiveness of KooLKIDS: An interactive social emotional learning program for Australian primary school children. *Psychology in the Schools*, 57(6), 851–867. <https://doi.org/10.1002/pits.22352>
- CASEL. (2013). CASEL Guide: Effective Social and Emotional Learning Programs. In *Preschool and Elementary School Edition*. <https://casel.org/wp-content/uploads/2016/01/2013-casel-guide-1.pdf>
- Çemberci, S., & Tufan, E. (2023). Effect of music education based on Edwin E. Gordon's Theory on children's developmental music aptitude and social emotional learning skills. *International Journal of Music Education*. <https://doi.org/10.1177/02557614231196973>
- Cherewick, M., Lebu, S., Su, C., Richards, L., Njau, P. F., & Dahl, R. E. (2021). Promoting gender equity in very young adolescents: targeting a window of opportunity for social emotional learning and identity development. *BMC Public Health*, 21(1), 1–18. <https://doi.org/10.1186/s12889-021-12278-3>
- Coelho, V., Peixoto, C., Azevedo, H., Machado, F., Soares, M., & Espain, A. (2023). Effects of a Portuguese social-emotional learning program on the competencies of elementary school students. *Frontiers in Psychology*, 14(May), 1–15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1195746>
- Coskun, K. (2019). Evaluation of the Socio Emotional Learning (SEL) Activities on Self-Regulation Skills Among Primary School Children. *The Qualitative Report*. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2019.3064>
- Da Cunha, J. M., Thomas, K. J., Sukhawathanakul, P., Santo, J. B., & Leadbeater, B. (2021). Socially responsible children: A link between school climate and aggression and victimization. *International Journal of Behavioral Development*, 45(6), 504–512. <https://doi.org/10.1177/01650254211020133>
- Darling-Churchill, K. E., & Lippman, L. (2016). Early childhood social and emotional development: Advancing the field of measurement. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 45, 1–7. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2016.02.002>
- Dewald, S. M., Ternes, B. B., Wald, M. R., Ternes, B. B., & Wald, M. R. (2019). *The Impact of Second Step Implementation on Students' Social-Emotional Skills in an Elementary School Setting In fulfillment of final requirements for the MAED degree*.

- Durlak, J. A., Domitrovich, C. E., Weissberg, R. P., & Gullotta, T. P. (2015). Social and Emotional Learning : Past, Present and Future. In *Handbook of Social and Emotional Learning* (pp. 3–19). The Guilford Press.
- Durlak, J. A., Mahoney, J. L., & Boyle, A. E. (2022). What we know, and what we need to find out about universal, school-based social and emotional learning programs for children and adolescents: A review of meta-analyses and directions for future research. *Psychological Bulletin*, 148(11–12), 765–782. <https://doi.org/10.1037/bul0000383>
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., Dymnicki, A. B., Taylor, R. D., & Schellinger, K. B. (2011). The Impact of Enhancing Students' Social and Emotional Learning: A Meta-Analysis of School-Based Universal Interventions. *Child Development*, 82(1), 405–432. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8624.2010.01564.x>
- Elias, M. J., Joseph, E., Weissberg, R. P., Karin, S., Greenberg, M. T., Haynes, N. M., Kessler, R., Schwab-Stone, Mary, E., & Shriver, T. P. (1997). *Promoting Social and Emotional Learning: Guidelines for Educators*.
- Englehart, J. M. (2009). Teacher-Student Interaction. In *International Handbook of Research on Teachers and Teaching* (pp. 711–722).
- Fink, A. (2019). *Conducting Research Literature Reviews: From the Internet to Paper*. Sage Publications.
- Flay, B. R., & Allred, C. G. (2010). The Positive Action Program: Improving Academics, Behavior, and Character by Teaching Comprehensive Skills for Successful Learning and Living. In *International Research Handbook on Values Education and Student Wellbeing*. Springer.
- Flook, L., Hirshberg, M. J., Gustafson, L., McGehee, C., Knoeppel, C., Tello, L. Y., Bolt, D. M., & Davidson, R. J. (2024). Mindfulness training enhances students' executive functioning and social emotional skills. *Applied Developmental Science*, 0(0), 1–20. <https://doi.org/10.1080/10888691.2023.2297026>
- Greenberg, M. T., & Kusche, C. A. (2006). Building social and emotional competence: The PATHS curriculum. *Handbook of School Violence and School Safety: From Research to Practice.*, May 2020, 395–412. <http://ovidsp.ovid.com/ovidweb.cgi?T=JS&PAGE=reference&D=psyc5&NEWS=N&AN=2006-03632-026>
- Gunawardena, M., & Koivula, M. (2023). Children's Social–Emotional Development: The Power of Pedagogical Storytelling. *International Journal of Early Childhood*. <https://doi.org/10.1007/s13158-023-00381-y>

- Hai, A. H., Franklin, C., Cole, A. H., Panisch, L. S., Yan, Y., & Jones, K. (2021). Impact of MindUP on elementary school students' classroom behaviors: A single-case design pilot study. *Children and Youth Services Review*, 125(August 2020), 105981. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2021.105981>
- Hamilton, L., & Gross, B. (2021). How Has the Pandemic Affected Students with Disabilities? A Review of the Evidence to Date. *ERIC, August*, 1–13. <https://eric.ed.gov/?id=ED614131>
- Hennessey, A., Qualter, P., & Humphrey, N. (2021). The Impact of Promoting Alternative Thinking Strategies (PATHS) on Loneliness in Primary School Children: Results From a Randomized Controlled Trial in England. *Frontiers in Education*, 6(December), 1–10. <https://doi.org/10.3389/educ.2021.791438>
- Higgins, J. P. T., Altman, D. G., Gotzsche, P. C., Juni, P., Moher, D., Oxman, A. D., Savovic, J., Schulz, K. F., Weeks, L., & Sterne, J. A. C. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ*, 343(oct18 2), d5928–d5928. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- Institut Kesihatan Umum. (2020). *Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019*. www.iku.gov.my/nhms
- Jacquez, F., Trott, C. D., Wren, A. R., Ashraf, L. J., & Williams, S. E. (2020). Dream It! Preliminary Evidence for an Educational Tool to Increase Children's Optimistic Thinking. *Child and Youth Care Forum*, 49(6), 877–892. <https://doi.org/10.1007/s10566-020-09561-6>
- Kaufmann, R., Sellnow, D. D., & Frisby, B. N. (2016). The development and validation of the online learning climate scale (OLCS). *Communication Education*, 65(3), 307–321. <https://doi.org/10.1080/03634523.2015.1101778>
- Kim, D., Lim, J. H., & An, J. (2022). The quality and effectiveness of Social-Emotional Learning (SEL) intervention studies in Korea: A meta-analysis. *PLoS ONE*, 17(6 June), 1–18. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0269996>
- Kitchenham, B., & Charters, S. M. (2007). *Guidelines for performing systematic literature reviews in software engineering*.
- Kraus, S., Breier, M., & Dasi-Rodriguez, S. (2020). The art of crafting a systematic literature review in entrepreneurship research. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 16, 1023–1042.
- Lee, H., & Lee, M. J. (2021). Visual art education and social-emotional learning of students in rural Kenya. *International Journal of Educational*

-
- Research*, 108(June 2020), 101781.
<https://doi.org/10.1016/j.ijer.2021.101781>
- Li, J., Ma, C., Lu, Q., & Hesketh, T. (2022). A Social Emotional Learning Training Programme in a Poor Rural Primary School in Central China: A Pre-Post Intervention Study. *Healthcare (Switzerland)*, 10(11).
<https://doi.org/10.3390/healthcare10112332>
- López, V., Torres-Vallejos, J., Ascorra, P., & Parada, B. V. (2018). Construction and validation of a classroom climate scale: a mixed methods approach. *Learning Environments Research*, 21(3).
<https://doi.org/10.1007/s10984-018-9258-0>
- Mahoney, J. L., Durlak, J. A., & Weissberg, R. P. (2018). An update on social and emotional learning outcome research. *Phi Delta Kappan*, 100(4), 18–23. <https://doi.org/10.1177/0031721718815668>
- Maloney, J. E., Lawlor, M. S., Schonert-Reichl, K. A., & Whitehead, J. (2016). *A Mindfulness-Based Social and Emotional Learning Curriculum for School-Aged Children: The MindUP Program*. March, 313–334. https://doi.org/10.1007/978-1-4939-3506-2_20
- Mazrekaj, D., & De Witte, K. (2023). The Impact of School Closures on Learning and Mental Health of Children: Lessons From the COVID-19 Pandemic. *Perspectives on Psychological Science*.
<https://doi.org/10.1177/17456916231181108>
- Meyer, L., & Eklund, K. (2020). The Impact of a Mindfulness Intervention on Elementary Classroom Climate and Student and Teacher Mindfulness: a Pilot Study. *Mindfulness*, 11(4), 991–1005.
<https://doi.org/10.1007/s12671-020-01317-6>
- Mohd Ayu, A. F., Md Yunus, A. S., & Mahmud, R. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan sokongan keluarga terhadap keterlibatan Matematik dalam kalangan murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 1–12.
<https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol8.1.1.2018>
- OECD. (2019). *PISA 2018 Results (Volume III)*. OECD.
<https://doi.org/10.1787/acd78851-en>
- Osman, Z., Zain, A., & Che Mustafa, M. (2019). Interaksi Guru Dengan Kanak-Kanak Menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 20–28. <https://doi.org/10.35631/ijepc.432003>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E.,

- Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Rowley, J., & Slack, F. (2004). Conducting a literature review. *Management Research News*, 27(6), 31–39. <https://doi.org/10.1108/01409170410784185>
- Shi, J., & Cheung, A. C. K. (2024). The Impacts of a Social Emotional Learning Program on Elementary School Students in China: A Quasi-Experimental Study. *The Asia-Pacific Education Researcher*. <https://doi.org/10.1007/s40299-022-00707-9>
- Taylor, R. D., Oberle, E., Durlak, J. A., & Weissberg, R. P. (2017). Promoting Positive Youth Development Through School-Based Social and Emotional Learning Interventions: A Meta-Analysis of Follow-Up Effects. *Child Development*, 88(4), 1156–1171. <https://doi.org/10.1111/cdev.12864>
- Valido, A., Robinson, L. E., Woolweaver, A. B., Drescher, A., Espelage, D. L., Wright, A. A., Ishmeal, D., Dailey, M. M., Long, A. C. J., & LoMurray, S. (2023). Pilot Evaluation of the Elementary Social-Emotional Learning Program Sources of Strength. *School Mental Health*, 15(2), 528–539. <https://doi.org/10.1007/s12310-023-09567-0>
- Van De Sande, M. C., Fekkes, M., Diekstra, R. F., Gravesteyn, C., Reis, R., & Kocken, P. L. (2022). Effects of an SEL Program in a Diverse Population of Low Achieving Secondary Education Students. *Frontiers in Education*, 6(January), 1–14. <https://doi.org/10.3389/educ.2021.744388>
- Wyn, J., Cahill, H., Holdsworth, R., Rowling, L., & Carson, S. (2000). MindMatters, a Whole-School Approach Promoting Mental Health and Wellbeing. *Australian & New Zealand Journal of Psychiatry*, 34(4), 594–601. <https://doi.org/10.1080/j.1440-1614.2000.00748.x>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>
- Zhang, Y., Cook, C. R., & Smith, B. (2023). PurposeFull People SEL and Character Education Program: A Cluster Randomized Trial in Schools Implementing Tier 1 PBIS with Fidelity. *School Mental Health*, 15(3), 985–1002. <https://doi.org/10.1007/s12310-023-09600-2>